

27/01/1997

Samy Vellu runding projek

KUALA LUMPUR, Ahad - Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu akan berlepas ke India esok bagi mengadakan rundingan peringkat akhir dengan pihak berkuasa India mengenai usaha syarikat Renong Berhad untuk mendapatkan kontrak projek pembinaan lebuh raya Bangalore-Mysore bernilai AS\$250 juta (RM625 juta).

Renong mengemukakan cadangan untuk projek penswastaaan lebuh raya sepanjang 120km itu untuk dipertimbangkan oleh kerajaan negeri Karnataka.

Lawatan menteri itu ialah sebagai susulan kepada lawatan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke India penghujung tahun lalu, kata setiausaha akhbar Samy Vellu, S.Ganapathy hari ini.

Beliau akan mengetuai delegasi 10 orang termasuk Ketua Pengarah Lembaga Lebuh Raya Malaysia Datuk Chua Soon Toh dan pegawai kanan Renong.

Samy Vellu akan mengadakan rundingan dengan Ketua Menteri Karnataka J.H.Patel mengenai projek lebuh raya itu selain melawat tapak yang dikenal pasti untuk projek bagi meninjau bilangan kenderaan yang bakal menggunakannya.

Beliau kemudiannya akan berlepas ke New Delhi untuk menyampaikan ucapan pada satu persidangan antarabangsa bertajuk "Mengelak Bencana Alam di Lebuh Raya" anjuran Persatuan Kongres Lebuh Raya Antarabangsa. - Bernama

(END)